

18 NOV 1998

PIKOM-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR AKAN TERIMA ANUGERAH IT ASOCIO BULAN INI

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM), mengumumkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima Anugerah IT ASOCIO (Pertubuhan Industri Komputer Asia-Oceanian) pada 26 Nov, 1998.

Anugerah ini akan disampaikan kepada Dr Mahathir pada jamuan ASOCIO-PIKOM yang akan diadakan di Petaling Jaya, jelas PIKOM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Anugerah IT ASOCIO ini diberikan kepada orang perseorangan yang cemerlang dari negara tuan rumah ASOCIO, yang telah memberi sumbangan paling besar kepada industri IT (teknologi maklumat) di negara tuan rumah dan kepada kedudukan industri IT di rantau ASOCIO.

Penerimanya juga mestilah telah menekankan kepentingan industri IT kepada ekonomi secara umumnya, dan pada masa yang lalu kebanyakan penerima anugerah di negara-negara tuan rumah lain termasuklah pegawai kanan kerajaan dan menteri.

Pengerusi PIKOM, Shaifubahrim Saleh, berkata: "Kami sungguh berbesar hati diberi penghormatan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sudi memeriahkan majlis makan malam kami dan menerima sendiri Anugerah IT ASOCIO IT ini."

"Pihak lembaga telah membuat keputusan sebulat suara dengan diperakukan oleh negara-negara anggota ASOCIO untuk memberikan anugerah ini kepada YAB (yang amat terhormat) yang telah menunjukkan contoh bertaraf dunia tentang bagaimana seorang negarawan boleh membuat keputusan berani memajukan IT."

ASOCIO yang ditubuhkan pada tahun 1984 ialah pertubuhan payung IT di rantau ini yang terdiri daripada 10 pertubuhan anggota penuh dan lima pertubuhan anggota bersekutu yang mewakili 15 negara di rantau Asia-Oceania, dan lima pertubuhan anggota undangan dari Amerika Utara dan Eropah.

Negara-negara anggota penuh terdiri daripada Australia, Indonesia, Thailand, Taiwan, Korea Selatan, New Zealand, Jepun, India, Malaysia dan Singapura, manakala anggota sekutu pula terdiri daripada Bangladesh, Nepal, Mongolia, Filipina dan Sri Lanka, dan anggota undangan merangkumi United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Speanyol dan Perancis.

-- BERNAMA

MK KY MA